

# Saujana KLIA pemungkin pertumbuhan terkini Sepang

Glomac Berhad bangunkan projek kediaman bertanah di lokasi strategik dengan pelbagai kemudahan awam

**Kuala Lumpur:** Syarikat harta-nah, Glomac Berhad membangukan projek kediaman bertanah di Saujana KLIA sejak 2016 dan kini, bandar itu menjadi antara pemungkin pertumbuhan terkini di Sepang.

Lebih menarik, Saujana KLIA terletak di lokasi strategik dan pembangunannya dirancang dengan baik serta mempunyai pelbagai kemudahan awam dan infrastruktur, di samping menyediakan kawasan kejiranan yang mengutamakan kesejahteraan.

Jaringan perhubungannya efisien dan bertaraf antarabangsa, malah menjadi lokasi utama yang mudah dihubungkan ke rangkaian lebuhraya, termasuk Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya Maju Expressway (MEX), Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) serta Lebuhraya Senawang-KLIA (SKLIA).

Selain itu, ia juga berdekatan dengan stesen kereta api laju Salak Tinggi Express Rail Link (ERL) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2.

Saujana KLIA juga terletak di tengah-tengah kawasan KLIA baru dengan perjalanan lima mi-

nit ke hotel Movenpick dan berdekatan dengan institusi pendidikan tempatan serta antarabangsa seperti Universiti Xiamen, Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCK), Universiti Multi Media (MMU) dan juga sekolah rendah dan menengah.

KLIA di Sepang turut menjadi hab perhubungan utama pengangkutan multimodal terbaru dengan rangkaian udara, jalan raya dan rel bersepadu lengkap serta canggih yang berfungsi sebagai

titik sambungan langsung ke ekonomi serantau utama.

Pusat operasi hab e-Penuaan (e-Fulfillment) baharu, eWTP Cainiao Aeropolis, (sebelum ini dikenali sebagai KLIA Aeropolis Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) Park) adalah sebahagian usaha bersama dalam memperkuatkan pemulihran ekonomi Malaysia dan menyokong peningkatan aliran perdagangan dengan membolehkan penghantaran dalam tempoh 72 jam ke seluruh dunia.

Saujana KLIA serta sekitarnya menjadi tarikan untuk tempat tinggal jangka panjang bagi tenaga kerja di wilayah ini.

Malah, kemudahan untuk kegiatan rekreasi juga tidak jauh dan ada sekurang-kurangnya enam pusat beli-belah boleh dikunjungi dengan mudah. Antaranya, Mitsui Outlet Park dan pusat beli-belah Alamanda yang terletak berdekatan.

Bagi pencinta alam, banyak pi-

lihan tempat kehijauan boleh dikunjungi seperti Farm In The City, Taman Saujana Hijau, Paya Indah Wetlands dan Taman Botani Putrajaya.

Dengan kedudukan yang strategik, lokasi ini mudah diakses ke kawasan lain di Sepang dan sekitarnya.

Seorang daripada komuniti di Saujana KLIA, Zalina Zamani, berkata, dia menyukai kemudahan pengangkutan yang terdapat di bandar itu.

Dia menggunakan perkhidmatan ERL di Salak Tinggi untuk berulang-alik dari rumah di Saujana KLIA ke tempat kerja di Damansara Kuala Lumpur.

Pada hujung minggu pula, dia akan keluar berbelanja membeli barang keperluan atau berkumpul dengan rakan dan keluarga di tempat kegemaran serta menikmati aktiviti gaya hidup sihat.

Sementara itu, pasangan suami isteri, Mohd Marzuki Ishak dan Nor Salina Rani berpendapat, menetap di KLIA Saujana memberikan kehidupan lebih bermaya dan diwarnai dengan corak hidup sihat kerana persekitaran yang cantik serta dihiasi tanaman hijau.

Marzuki adalah pakar mikrobiologi dan bekerja di Putrajaya manakala isterinya, bertugas sebagai doktor di ibu negara. Dengan kemudahan jalinan pengangkutan yang tersedia, mereka tidak ada masalah menguruskan rutin setiap hari untuk ke tempat kerja.

Bagi yang ingin menjadi sebahagian daripada komuniti di sini dan ingin menikmati gaya hidup pinggir bandar yang sihat, terkini Saujana KLIA bakal melancarkan kediaman terbaru teres dua tingkat, PRIMROSE di bandar itu.

Kediaman terbaru mampu milik itu direka untuk pemilik rumah berpendapatan sederhana dengan empat bilik tidur serta tiga bilik mandi ditawarkan pada harga RM498,800 ke atas.

Untuk maklumat lanjut, sila lari ke [www.glomac.com.my/Primrose](http://www.glomac.com.my/Primrose).



Lokasi strategik Saujana KLIA menjadi daya tarikan bakal pembeli kediaman bertanah.



Antara projek kediaman Glomac di Saujana KLIA.



Saujana KLIA terletak di tengah-tengah kawasan KLIA yang mudah dihubungkan melalui Pintasan Dengkil Bypass.